

# Usaha bantu rakyat Singapura keluar dari Yaman

- 16 Sep 2014 MFA keluaran nasihat menggesa rakyat Singapura tinggalkan Yaman.
- 21 Sep Pemberontak Houthi tawan Sana'a ibu kota Yaman.
- 25 Nov MFA gesa rakyat Singapura di Yaman hubungi MFA, ulangi nasihat supaya tinggalkan Yaman.
- 12 Jan 2015 Mohon pertolongan Malaysia dan Indonesia membenarkan rakyat Singapura mendapatkan perlindungan di kedutaan negara tersebut jika perlu.
- 19 Jan Pemberontak Houthi serang Istana Presiden.
- 30 Mac Seorang wanita Singapura minta bantuan MFA pindahkan anak lelakinya dari Tarim ke Abu Dhabi. MFA menempah tempat bas bagi lelaki berkenaan dan memastikan beliau tiba dengan selamat di Abu Dhabi.
- 30 Mac Keluarga (dua orang dewasa dan empat kanak-kanak) minta bantuan untuk keluardari Yaman. MFA mohon pertolongan pemerintah asing termasuk Malaysia yang bantu memindahkan keluarga itu ke Jeddah.
- 31 Mac Seorang wanita dan empat anaknya minta bantuan untuk keluar dari Aden. MFA dapatkan bantuan pemerintah China yang memindahkan keluarga itu ke Djibouti.
- 3 Apr 2015 Semasa mengunjungi Oman, Encik Masagos Zulkifli ketika itu Menteri Negara Kanan mohon bantuan dari Oman.
- 6 Apr Keluarga dua orang dewasa dan dua anak mereka mohon bantuan keluar dari Sana'a. MFA bekerjasama dengan



- Kedutaan Filipina untuk pindahkan keluarga berkenaan.
- 7 Apr Jurucakap MFA gesa rakyat Singapura tinggalkan Yaman.
- 8 Apr Lapan warga Singapura di Tarim minta bantuan. MFA dapatkan bas untuk pindahkan warga Singapura dan beberapa warga asing lain di Tarim ke Salalah, Oman.
- 10 Apr Jurucakap MFA sekali lagi gesa rakyat Singapura tinggalkan Yaman.
- 11 Apr MFA kirim Pasukan Respons Krisis (CRT) ke Salalah untuk menyelaraskan usaha pemindahan.
- 12 Apr Wanita warga Singapura minta bantuan keluar dari Tarim. Bekerjasama dengan Malaysia untuk memindahkan wanita berkenaan.
- 13 Apr MFA keluaran kenyataan gesa baki rakyat Singapura di Yaman supaya pulang sambil berkata pintu keluar dari negara itu semakin sempit.
- 14 Apr Muis nasihat warga Singapura supaya pulang segera.

## Talian bantuan

Warga Singapura, atau waris dekat mereka, yang masih berada di Yaman yang belum menghubungi Kementerian Ehwat Luar (MFA), atau memerlukan bantuan boleh hubungi pegawai bertugas MFA (24 jam) untuk mendapatkan nasihat atau pertolongan.

Telefon: **+65-6379-8800/8855**  
E-mel: [mfa\\_duty\\_officer@mfa.gov.sg](mailto:mfa_duty_officer@mfa.gov.sg)

Ibu bapa pelajar yang memerlukan bantuan juga boleh menghubungi Muis.

Telefon: **+65-6359-1447/1199**  
E-mel: [info@muis.gov.sg](mailto:info@muis.gov.sg)